

NO SOALAN :16

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN SIM CHEE KEONG
(BUKIT MERTAJAM)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 26.10.2015

Y.B. TUAN SIM CHEE KEONG [BUKIT MERTAJAM] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah cukai input (input tax) yang dituntut berbanding jumlah yang telah di bayar mengikut pecahan bulan. Nyatakan purata masa bayaran balik tuntutan dibuat.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, bagi tempoh 1 April hingga 31 Ogos 2015, jumlah cukai input yang telah dituntut adalah sebanyak RM8.7

bilion manakala jumlah tuntutan yang telah dibayar adalah sebanyak RM5.6bilion. Amaun selebihnya adalah diperingkat proses untuk dibayar. Bagi bulan Julai 2015, sebanyak 41.6% permohonan telah diproses dalam tempoh 14 hari bekerja, 53.8% permohonan telah diproses dalam tempoh 28 hari bekerja dan baki 4.6% permohonan diproses melebihi tempoh 30 hari bekerja.